

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**
TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan lesen perniagaan 'online' yang telah dikeluarkan oleh Kementerian dan jenis perniagaan 'online' yang popular di negara ini serta nyatakan langkah Kementerian bagi mengawal perniagaan 'online' ini supaya dapat mengelakkan kes penipuan dan seterusnya menjaga kepentingan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bilangan perniagaan *online* yang berdaftar

Pihak Kementerian tidak mengeluarkan sebarang lesen perniagaan *online* sebaliknya memerlukan apa-apa aktiviti perniagaan, termasuk perniagaan *online* untuk didaftarkan atau diperbadankan di bawah undang-undang yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Berdasarkan rekod sehingga 28 Februari 2015, sejumlah 991 syarikat dan 21,163 perniagaan berdaftar di SSM dengan aktiviti/jenis perniagaan (perkhidmatan atau produk) internet. Perniagaan atas talian adalah salah satu kaedah untuk memasarkan perkhidmatan atau produk kepada pengguna. Pihak SSM hanya mendaftarkan aktiviti/jenis perniagaan (perkhidmatan atau produk) berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pemilik melalui borang yang ditetapkan.

2. Perniagaan *Online* yang popular

Jenis perniagaan *online* yang menjadi pilihan pengguna pada masa ini adalah melalui laman web sosial seperti Facebook dan Instagram. Perniagaan *online* yang menjual fesyen seperti pakaian, tudung, kasut paling mendapat sambutan pengguna diikuti dengan penjualan elektronik seperti telefon bimbit, *tablet* dan kamera serta peralatan IT seperti *laptop*.

3. Langkah-langkah Kementerian Dalam Mengawal Perniagaan *Online*

a) Akta dan Peraturan

Kementerian telah menggubal **Akta Perdagangan Elektronik 2006** untuk memberikan kesahihan undang-undang bagi transaksi secara elektronik. Selanjutnya Kementerian turut menggubal **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012** di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk memberikan ketelusan dalam urusan perdagangan elektronik dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan pengguna.

Peraturan ini telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 dan mewajibkan peniaga *online* untuk memaparkan maklumat berikut di laman web mereka:

- i. nama –individu/perniagaan/syarikat;
- ii. nombor pendaftaran perniagaan/syarikat - peniaga online di Semenanjung Malaysia dimestikan berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (bagi individu dan perkongsian) dan Akta Syarikat 1965 (bagi syarikat);
- iii. emel dan no.telefon atau alamat peniaga;
- iv. cirri utama barangan;
- v. harga termasuk kos penghantaran;

- vi. kaedah pembayaran;
- vii. terma dan syarat; dan
- viii. Anggaran masa penghantaran.

Peraturan ini turut mewajibkan pengendali pasar atas talian (contoh Lelong, Lazada, Rakuten) untuk menyimpan untuk tempoh 2 tahun, butiran nama, nombor telefon dan alamat peniaga-peniaga *online* yang menggunakan platform mereka untuk berniaga.

b) Program Advokasi kepada Peniaga *Online*

Lanjutan daripada kedua-dua Akta dan Peraturan ini, Kementerian telah mengkhususkan pelaksanaan advokasi kesedaran dan pematuhan bagi peraturan dan panduan menjalankan transaksi *online*.

c) Pemantauan dan siasatan

Kementerian sentiasa melaksanakan pemantauan atas talian ke atas laman-laman web yang bermotifkan perniagaan untuk memastikan ia mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Kementerian juga menjalankan naziran dan siasatan terhadap aduan-aduan yang diterima ke atas peniaga *online*.

d) Kerjasama Kementerian dan Agensi

Pada masa yang sama, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, CyberSecurity Malaysia, SME Corporation Malaysia dan

Multimedia Development Corporation bagi memastikan perdagangan elektronik yang selamat yang melindungi kepentingan pengguna.